

SOALAN NO: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN R. SIVARASA

TARIKH: 1 NOVEMBER 2016

SOALAN:

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah oleh Kementerian untuk memastikan negara menghormati dan melaksanakan Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organisation (ILO) 1998* berkenaan Prinsip-prinsip Asas dan Hak-hak Bekerja (*Fundamental Principles and Rights at Work*).

PR-1343-L76911

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Prinsip-Prinsip Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa, *International Labour Organisation (ILO) 1998* berkenaan *Fundamental Principles and Rights at Work* adalah seperti berikut:

- (i) *freedom of association and the effective recognition of the right to collective bargaining;*
- (ii) *elimination of all forms of forced or compulsory labour;*
- (iii) *abolition of child labour;* dan
- (iv) *elimination of discrimination in respect of employment and occupation.*

2. 4 prinsip ini terkandung dalam 8 konvensyen teras ILO iaitu:

- (i) *Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention, 1948 (C87);*
- (ii) *Right to Organise and Collective Bargaining Convention, 1949 (C98);*
- (iii) *Forced Labour Convention, 1930 (C29);*
- (iv) *Abolition of Forced Labour Convention, 1957 (C105);*
- (v) *Minimum Age Convention, 1973 (C138);*
- (vi) *Worst Forms of Child Labour Convention, 1999 (C182);*
- (vii) *Equal Remuneration Convention 1951 (C100); dan*
- (viii) *Discrimination (Employment and Occupation) Convention, 1958 (C111)*

3. Daripada 8 konvensyen tersebut, Malaysia telah meratifikasikan 5 daripadanya dan bertanggungjawab untuk mematuhi kesemua konvensyen yang telah diratifikasi. Walau bagaimanapun, sungguhpun 3 lagi belum diratifikasi, Malaysia mengambil pendekatan untuk mematuhi prinsip-prinsip asas yang

digariskan oleh konvensyen-konvensyen tersebut dan melaksanakannya melalui langkah-langkah yang bersesuaian.